



TANAM POKOK...Para pelajar UMS menanam pokok pada majlis itu.

# Pelajar Kejuruteraan UMS sahut seruan jaga alam sekitar di negara ini

NSF 23/11/2011 7

KOTA KINABALU: Pelajar Kejuruteraan Awam Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyahut seruan untuk sama-sama memulihara alam sekitar dengan mengadakan aktiviti komuniti bertemakan "Program Pemuliharaan Alam Sekitar (Environment Conservation Programme, E-CoP).

Sekumpulan 10 pelajar tahun empat Kejuruteraan Awam itu mengadakan aktiviti komuniti di SK. Our Lady of Fatima, Papar, baru-baru ini.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuk ceramah yang disampaikan oleh Pegawai Kawalan Alam Sekitar dari Jabatan Alam Sekitar Sabah (JAS) Jikula-Mongijal.

Dalam ceramahnya, Jikula membangkitkan isu penggunaan bahan plastik di kalangan orang awam.

Katanya penggunaan plastik akan menyebabkan masalah-masalah sistem perparitan seperti longkang tersumbat yang seterusnya menyebabkan banjir kilat.

"Mengikut kajian, haiwan seperti penyu turut menjadi mangsa kerana ia akan menganggap plastik yang dibuang ke dalam laut sebagai obor-obor iaitu makanannya," kata Jikula.

Sehubungan itu beliau menyarankan para pelajar supaya turut membantu mengurangkan penggunaan barangan plastik yang bukan sahaja akan menyebabkan masalah kesihatan tetapi menyumbang kepada pencemaran alam sekitar.

Seramai 30 orang murid Tahun Enam serta beberapa orang guru turut menyertai program ini.

Sementara itu, Guru Besar SK. Our Lady of Fatima, Paumin @ Benjamin Sakim berterima kasih kepada kumpulan pelajar UMS yang diketuai Fiona P. Benjamin kerana memilih sekolah itu untuk menganjurkan aktiviti komuniti khususnya yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar.

"Saya berharap aktiviti seperti ini dapat dijalankan lagi di masa akan datang di mana ia dapat disertai oleh semua murid dan para ibubapa," katanya.

Fiona yang mewakili pelajar UMS turut berterima kasih kepada pihak JAS serta sekolah atas kerjasama yang diberikan, serta kepada Datuk Peter Anthony dan John Teo Mau Sing atas sumbangan mereka dalam menjayakan program itu.

Turut diadakan sempena majlis perasmian program komuniti itu ialah acara menanam anak pokok yang disumbangkan oleh pihak Jabatan Pertanian Papar, serta aktiviti gotong-royong.

Selain Fiona, mahasiswa/mahasiswi tahun akhir dari program Kejuruteraan Awam, UMS yang terlibat dalam menjayakan program komuniti itu Caroline Kisel, Caroline Peter, Dafri David, Fauziah Halim, Heryanti Ag. Omar, Holly Leslie John, Rachel Yahumin, Siti Maslina Abd. Rahman dan Sylvester P. Andong.-OLEH MARRYAN RAZAN (marrayan@newsabahtimes.com.my)